



## PEJABAT BURSAR

### BURSAR'S OFFICE

Rujukan Kami : UPM.BEN-100-1/6/3/B7(17)

Tarikh : 15 Disember 2017

### PEKELILING BURSAR BIL. 3 TAHUN 2017

#### Pematuhan Ke Atas Peraturan dan Prosedur Kewangan Universiti

##### Tujuan

1. Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memberi peringatan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) untuk mematuhi semua peraturan dan prosedur kewangan yang berkuatkuasa dalam melaksanakan semua urusan kewangan di Universiti Putra Malaysia (UPM).

##### Latar Belakang

2. Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) pada 8 Ogos 2017 melalui minit 120/02(b)(iv) dan Laporan Pengurusan Bil. U11(A)/AK/gn/4.2 bertarikh 21 April 2016 oleh Jabatan Audit Negara mendapati terdapat pemerhatian berkaitan kelemahan tadbir urus dalam pematuhan peraturan dan prosedur kewangan yang berkuatkuasa.

3. Peraturan dan prosedur kewangan tersebut meliputi semua proses utama kewangan iaitu; -

- (i) Pengurusan Belanjawan
- (ii) Pengurusan Perolehan
- (iii) Pengurusan Pembayaran
- (iv) Pengurusan Aset
- (v) Pengurusan Hasil dan Penjanaan Pendapatan
- (vi) Pengurusan Perakaunan

4. Pelaksanaan proses kewangan Universiti adalah berpandukan kepada Arahan Perpendaharaan dan Pekeliling Perpendaharaan terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

## **Pelaksanaan Proses dan Peraturan Kewangan**

5. Pejabat Bursar telah mengeluarkan prosedur, garis panduan dan pekeliling Bursar bagi setiap proses kewangan di Universiti sebagai rujukan dalam melaksanakan urusan kewangan. Semua prosedur, garis panduan serta pekeliling boleh dicapai melalui laman sesawang <http://www.reg.upm.edu.my/eISO/> dan <http://www.bursar.upm.edu.my/>.

6. Sehubungan itu, semua pegawai PTJ yang diberi tanggungjawab dalam urusan berkaitan kewangan perlu mematuhi semua peraturan kewangan yang berkuatkuasa. Selain itu, Ketua PTJ hendaklah membuat pemantauan berkala mengenai urusan yang berkaitan dengan kewangan supaya kelemahan (jika ada) dapat ditangani dengan segera bagi mengelakkan ianya berterusan dan boleh menjelaskan pengurusan kewangan universiti.

7. Keterangan lanjut mengenai Surat Pekeliling ini boleh diperolehi daripada Pegawai Kewangan Pejabat Bursar PTJ yang menyelia PTJ masing-masing.

Kerjasama semua pihak adalah diharapkan dan sangat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERILMU BERBAKTI”**

Yang menjalankan tugas



Zulkiflee Bin Othman  
Bursar

### **Edaran:**

Semua Ketua  
Pusat Tanggungjawab  
Universiti Putra Malaysia  
**SERDANG/PORT DICKSON/BINTULU**

### **Salinan Kepada:**

- YBhg. Datin Paduka Dato' Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor